

## **BANK ISLAM LANCAR DANA ANAK YATIM SADAQA HOUSE**

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [27 Mei 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini melancarkan sebuah dana khusus untuk memelihara kebajikan dan pendidikan anak-anak yatim di Malaysia melalui platform pendanaan awamnya, Sadaqa House. Ia merupakan satu lagi inisiatif penting dalam memanfaatkan instrumen kewangan sosial Islam dalam melestarikan kehidupan masyarakat.

Dana baharu yang bertemakan "*From Cradle to Graduation*" ini bertujuan memberi manfaat kepada anak-anak yatim di seluruh negara, daripada peringkat bayi sehingga remaja. Ia direka khusus bagi memastikan pendidikan anak-anak tersebut tidak tercicir dan membolehkan mereka melanjutkan pendidikan sehingga ke peringkat Ijazah.

Menerusi Misi 2040, Sadaqa House menyasarkan kutipan dana kekal RM1 billion menjelang tahun 2040. Bank Islam berhasrat untuk menyalurkan RM3 juta setiap bulan kepada pendidikan dan kebajikan anak-anak yatim di Malaysia melalui hasil pulangan pelaburan dana kekal tersebut dalam instrumen kewangan bersesuaian.

Bagi memastikan manfaat terus disalurkan kepada anak-anak yatim yang layak, sebelum tahun 2040, 20% daripada setiap sumbangan diterima akan disalurkan kepada inisiatif bersama rakan-rakan pelaksana, manakala 80% dimasukkan terus dalam dana kekal berkenaan demi menjana hasil yang lestari.

Ketua Pegawai Rangkuman Kewangan Kumpulan Bank Islam, Mohd Nazri Chik, berkata, "Berdasarkan strategi perniagaan lima tahun Bank Islam, LEAP25, yang bermatlamat memperkasakan agenda Kewangan Sosial dan meletakkan Bank Islam sebagai bank peneraju kewangan sosial di Malaysia; kami komited untuk menggerakkan usaha-usaha perkongsian rezeki dengan pelbagai golongan sasaran bagi memastikan rangkuman kewangan yang menyeluruh. Justeru, dengan kerjasama rakan-rakan pelaksana yang dipilih, Dana Anak Yatim Sadaqa House ini memberi manfaat berkekalan kepada kebajikan dan pembangunan anak-anak yatim di Malaysia."

Sebagai permulaan komitmen kepada usaha ini, Bank Islam turut menyalurkan RM761,000 untuk agenda-agenda yang dipersetujui bersama tiga rakan pelaksana Sadaqa House iaitu OrphanCare Foundation, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) dan Youth Empowerment Foundation (YEF).

Majlis pelancaran Dana Anak Yatim Sadaqa House yang diadakan di Kuala Lumpur hari ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan Bank Islam, Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar. Turut hadir, Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Orang ramai yang ingin menyumbang ke Dana Anak Yatim Sadaqa House boleh menyalurkan sumbangan mereka ke akaun "Sadaqa House Orphan Fund" di Bank Islam menerusi nombor akaun **140 140 101 88888** atau melayari laman web Sadaqa House di pautan [www.sadaqahouse.com.my](http://www.sadaqahouse.com.my) untuk maklumat lanjut.

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:**  
[MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)